Pemangkin Pembangunan PKS
Catalyst for SME Development

Ke Arah Transformasi
Towards Transformation



**“Menggambarkan
sinaran mentari, **KUNING**
melambangkan tenaga,
kesegaran, kegembiraan
dan intelek”**

*“Depicting the sunshine,
YELLOW is a representation
of energy, freshness, joy and
intellectuality”*

Saujana Pemandangan

A View from Above

Sebagai sebuah agensi penyelarass Pusat yang diamanahkan oleh Kerajaan untuk menyelarass pembangunan PKS negara merentasi Kementerian dan Agensi berkaitan, tahun 2011 menyaksikan perjalanan SME Corp. Malaysia terus menerajui pembangunan PKS yang berdaya saing, inovatif dan berdaya tahan.

Sebagai sebuah organisasi utama dalam meningkatkan pembangunan PKS yang progresif dan memastikan PKS sentiasa dibimbing serta diberi bantuan, SME Corp. Malaysia telah merangka dan menyelarass pelbagai program pembangunan PKS secara bersepadu bersama-sama 15 Kementerian dan 60 Agensi.

Ketika organisasi ini mengatur langkah untuk mencapai objektif negara untuk menjadi sebuah negara yang berpendapatan tinggi, usaha telah dipergiatkan lagi dengan memperkenalkan dan melaksanakan pelbagai program pembangunan, di samping memberi penekanan yang lebih holistik dan bersepadu.

As a Central Coordinating Agency entrusted by the Government to oversee the overall development of SMEs across various Ministries and Agencies, the 2011 chaptersaw SME Corp. Malaysia continuing its journey in spearheading the development of competitive, innovative and resilient SMEs.

Being the premier organisation for the development of progressive SMEs and in ensuring SMEs are further assisted and given the catalytic push, SME Corp. Malaysia formulates and coordinates various SME development policies, as well as oversees the implementation of various capacity building programmes involving more than 15 Ministries and 60 Agencies, in a concerted and cohesive manner.

While the organisation plods its way towards achieving the nation's objective of becoming a high income nation, efforts have been intensified by introducing and implementing various capacity-building programmes, with emphasis on a holistic and integrated approach.



“Simbol alam semula jadi, **HIJAU
membawa maksud cita-cita,
kesuburan , pertumbuhan dan
harmoni”**

*“Symbolising nature,
GREEN epitomises
ambition, fertility, growth
and harmony”*



Mensasarkan Hala Tuju PKS

Charting Direction for SMEs

Komitmen dan kesungguhan Kerajaan dalam pembangunan PKS telah jelas dilihat melalui Rancangan Malaysia Kesepuluh (2011 - 2015) dan Pelan Induk Perindustrian Ketiga (2006 - 2020), sejajar dengan wawasan negara untuk tahun 2020.

Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan (MPPK) dan Inisiatif-inisiatif Utama

MPPK berfungsi sebagai badan tertinggi merangka dasar yang menetapkan hala tuju strategik Kerajaan berkaitan pembangunan PKS bagi tujuan penyelarasan dan memastikan keberkesanan program-program Kerajaan. Majlis ini bersidang untuk membincangkan strategi dan dasar-dasar baru bagi menyokong pembangunan PKS merentasi semua sektor, juga untuk memantau dan menilai prestasi. Pada tahun 2011, MPPK telah mengadakan mesyuarat ke-11 dan 12 masing-masing pada 29 April 2011 dan 23 November 2011, dan telah meluluskan beberapa inisiatif utama bagi menggalakkan lagi sektor PKS yang berdaya saing dan berdaya tahan.

Majlis ini telah meluluskan Pelan Tindakan Bersepadu PKS

The Government's commitment and determination in the development of SMEs was made evident in the Tenth Malaysia Plan (2011-2015) and the Third Industrial Master Plan (2006-2020), in line with the country's vision for 2020.

National SME Development Council (NSDC) and Key Initiatives

The NSDC serves as the highest policy-making body that sets the strategic direction for Government policies on SME development so as to facilitate coordination and effectiveness of Government programmes. The Council convenes to deliberate on strategies and new policies to support SME development across all sectors, as well as to monitor and evaluate the progress. In 2011, the NSDC convened its 11th and 12th meetings on 29 April 2011 and 23 November 2011 respectively, and endorsed several key initiatives to further promote a competitive and resilient SME sector.





Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan (MPPK) dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri
National SME Development Council (NSDC) Chaired by YAB Prime Minister

2011 (SMEIPA) yang menggariskan sebanyak 219 program yang bakal dilaksanakan dengan komitmen kewangan berjumlah RM5.9 bilion pada tahun 2011. SMEIPA 2011 turut melaporkan sebanyak 226 program telah dilaksanakan dengan jumlah perbelanjaan sebanyak RM7.1 bilion dan telah memberi manfaat kepada 614, 242 PKS pada tahun 2010. Pada April 2011, SME Corp. Malaysia telah memperkenalkan *SMEIPA Online*, sebuah portal khusus yang memberi pihak berkuasa dalam pembangunan PKS untuk mengakses maklumat berkaitan SMEIPA. Sistem ini akan mengumpul maklumat terkini mengenai status pelaksanaan program bagi membolehkan pelaporan tepat waktu. Majlis ini turut menyokong Pelan Induk PKS yang akan terus menentukan hala tuju dasar PKS Malaysia dalam semua sektor, sehingga tahun 2020, ke arah mencapai status negara berpendapatan tinggi menjelang 2020, selaras dengan Model Ekonomi Baru (MEB).

The Council endorsed the SME Integrated Plan of Action 2011 (SMEIPA) which outlines a total of 219 programmes to be implemented with a financial commitment of RM5.9 billion in 2011. SMEIPA 2011 also reported, that a total of 226 programmes were implemented in 2010, with a total expenditure of RM7.1 billion and benefitting 614, 242 SMEs. In April 2011, SME Corp. Malaysia had introduced SMEIPA Online, a dedicated portal that provides relevant authorities involved in SME development with valuable access to information pertaining to SMEIPA. The system would capture updated information on status of programme implementation to enable timely reporting. The council also endorsed the SME Masterplan, which will further chart the policy direction of Malaysian SMEs in all sectors, through the year 2020, towards achieving a high income nation status by 2020, in line with the New Economic Model (NEM).

Pelan Induk PKS

Pembangunan polisi yang penting bagi PKS pada tahun 2011 ialah merupakan pengenalan Pelan Induk PKS 2012-2020, sebuah 'dokumen hidup' yang memberi panduan mengenai pembangunan PKS ke arah mencapai matlamat menjadi sebuah negara berpendapatan tinggi selaras dengan Model Ekonomi Baru (MEB). Pelan ini bertujuan untuk mewujudkan sebilangan besar PKS yang sihat dan berdaya saing di peringkat global, yang seterusnya akan memacu bahagian yang lebih besar dalam pertumbuhan ekonomi serta membantu mencapai matlamat sosio-ekonomi untuk pengagihan pendapatan yang lebih saksama.

Visi mewujudkan PKS yang berdaya saing di peringkat global terbentuk melalui empat matlamat strategik :

- Meningkatkan pembentukan perniagaan untuk membantu dinamisme perniagaan yang dinamik melalui aliran peserta baru ke dalam pasaran yang berterusan
- Mengembangkan bilangan firma inovatif dengan pertumbuhan yang tinggi kerana mereka menjana sebahagian besar peluang pekerjaan dan pengeluaran di negara ini
- Meningkatkan produktiviti PKS bagi meningkatkan pendapatan dan meningkatkan taraf hidup
- Mempergiatkan formalisasi bagi memberikan insentif ke atas inovasi, pertumbuhan dan pemupukan persaingan yang adil

Dalam menyokong matlamat strategik, Pelan Induk telah mengenal pasti enam bidang penumpuan yang merangkumi:

- Menggalakkan tahap inovasi dan penggunaan teknologi yang lebih tinggi di kalangan PKS
- Meningkatkan modal insan dan pembangunan keusahawanan di kalangan PKS
- Memastikan PKS yang layak mempunyai akses kepada pembiayaan bagi modal kerja dan pelaburan
- Memperluaskan akses pasaran bagi barangan dan perkhidmatan yang dihasilkan dan ditawarkan oleh PKS

SME Masterplan

The most important policy development for SMEs in 2011 was the introduction of the SME Masterplan for 2012-2020, a 'living document' that guides the development of SMEs towards achieving the goal of becoming a high-income nation in line with the New Economic Model (NEM). The Plan is intended to develop a greater number of healthy and globally competitive SMEs, which in turn, will drive a larger share of the economy's growth and help achieve the socio-economic goal of a more equitable income distribution.

The vision of creating globally competitive SMEs is crystallised through four strategic goals :

- *Increase business formation to facilitate business dynamism through a constant stream of new entrants into the market*
- *Expand the number of high growth and innovative firms as they generate a substantial share of employment and output in the country*
- *Raise productivity of SMEs to boost income and raise standards of living*
- *Intensify formalisation to incentivise innovation, growth and promote fair competition*

In supporting the strategic goals, the Masterplan has identified six focus areas which include:

- *Encourage greater innovation and technology adoption among SMEs*
- *Enhance human capital and entrepreneurship development among SMEs*
- *Ensure that credit worthy SMEs have access to financing for working capital and investment*
- *Expand the market access for products and services produced and offered by SMEs*
- *Ensure the legal and regulatory environment is conducive to the formation and growth of SMEs*
- *Improve the infrastructure required for SMEs to operate effectively*

Dalam fasa kedua Pelan Induk ini, MPPK telah meluluskan enam Program Impak Tinggi (HIP) yang direka untuk mencapai matlamat yang telah ditetapkan. Sistem pendaftaran dan pelesenan yang sedia ada akan disepadukan menjadi sebuah pusat pendaftaran sehenti bagi mengurangkan halangan untuk memulakan perniagaan baru. Sokongan pembiayaan bagi PKS baru akan disediakan di bawah Program Pelaburan PKS (SIP), manakala Platform Pengkomersialan Teknologi akan menggalakkan pembangunan teknologi inovatif. Program Eksport Keluar membantu PKS mengambil langkah seterusnya untuk membawa produk mereka ke pasaran global, manakala Program Pemangkin mensasarkan perniagaan khusus untuk sokongan dalam bidang pembiayaan, akses kepada pasaran dan pembangunan modal insan. Akhirnya, Program Inovasi Inklusif menyalurkan sokongan perusahaan mikro kepada kumpulan pendapatan 40% terbawah.

Polisi Laluan Hijau

Pada 6 Jun 2011, Kementerian Kewangan telah mengeluarkan Surat Pekeliling mengenai Polisi Laluan Hijau yang berkuatkuasa pada 15 Jun 2011. Polisi Laluan Hijau menyediakan insentif seperti perolehan Kerajaan, pembiayaan dan pemasaran yang dijangka akan mempercepatkan pertumbuhan PKS yang berpotensi untuk menjadi juara kebangsaan, serantau dan global.

PKS yang layak untuk mendapat manfaat daripada insentif di bawah Polisi Laluan Hijau adalah PKS yang telah disahkan oleh :

- i. SME Corporation Malaysia (melalui pensijilan 1-InnoCERT)
- ii. Perbadanan Pembangunan Teknologi Malaysia (MTDC)
- iii. Perbadanan Bioteknologi Malaysia (BiotechCorp)
- iv. Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDeC)

In the second phase of the Masterplan, the NSDC approved six High Impact Programmes (HIP) designed to achieve the set goals. The existing registration and licensing systems will be integrated into a one-stop registration point to reduce obstacles to forming new business. Financing support for new SMEs will be provided under the SME Investment Programme (SIP) while the Technology Commercialisation Platform will promote development of innovative technologies. The Going Export Programme helps SMEs to take the next step in bringing their products to the global market, while the Catalyst Programme targets specific businesses for support in the areas of financing, market access and human capital development. Finally, the Inclusive Innovation Programme delivers micro enterprise support to the bottom 40% of the income group.

Green Lane Policy

On 6 June 2011, the Ministry of Finance released the Circular on the Green Lane Policy which took effect on 15 June 2011. The Green Lane Policy provides incentives such as Government procurement, financing and marketing which are expected to accelerate growth of potential SMEs to become national, regional and global champions.

SMEs that are eligible to benefit from the incentives under the Green Lane Policy are SMEs that have been verified by :

- i. SME Corporation Malaysia (through 1-InnoCERT certification)*
- ii. Malaysian Technology Development Corporation (MTDC)*
- iii. Malaysia Biotechnology Corporation (BiotechCorp)*
- iv. Multimedia Development Corporation (MDeC).*



- Insentif-insentif termasuklah:

- i. Kemudahan Pembiayaan

- Insentif dalam bentuk rebat kadar faedah 2% setahun tertakluk kepada jumlah maksimum RM200, 000 setahun atau jumlah kumulatif sebanyak RM1, 000, 000 bagi tempoh 5 tahun bagi setiap PKS
 - Pengecualian duti setem ke atas dokumen perjanjian pinjaman
 - Bank yang mengambil bahagian adalah :
SME Bank, Bank Pembangunan dan Exim Bank

- ii. Insentif Cukai

- Potongan cukai bagi perbelanjaan yang ditanggung untuk mendapatkan 1-InnoCERT buat kali pertama

- iii. Perolehan Kerajaan

- Proses pendaftaran bagi PKS yang mendaftar dengan Kementerian Kewangan disingkatkan dari 7 hari ke 1 hari
 - Keutamaan untuk menyertai Program Ofset Kerajaan sebagai penerima Pemindahan Teknologi
 - Keutamaan untuk menyertai Perolehan Kerajaan
 - Pertimbangan untuk disenaraikan dalam Senarai Kontrak Pusat

- iv. Perolehan Syarikat Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD)

- Produk dan Perkhidmatan PKS akan diberi keutamaan dalam perolehan syarikat milik penuh Kementerian Kewangan (MKD)

- *The incentives include:*

- i. Financing Facility*

- *Incentive in the form of a 2% interest rate rebate a year subject to a maximum amount of RM200, 000 per year or a total cumulative of RM1,000, 000 for a 5-year period for each SME*
 - *Stamp duty exemption on the loan agreement document*
 - *Participating banks are :
SME Bank, Bank Pembangunan and Exim Bank*



- ii. Tax Incentive*

- Tax deduction for expenses incurred in obtaining the 1-InnoCERT for the first time.*

- iii. Government Procurement*

- *Fast track registration for SMEs registering with MOF from the current 7 days to 1 day;*
 - *Priority to participate in the Government Offset Programme as a recipient of the Transfer of Technology;*
 - *Priority to participate in Government Procurement; and*
 - *Consideration to be listed in the Senarai Kontrak Pusat.*

- iv. Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD) Companies Procurement*

- *Product and Services of SMEs to be given priority in the procurement of MOF wholly-owned companies (MKD).*



Inisiatif dan Dasar untuk Manfaat Usahawan Bumiputera

Pada tahun 2011, tumpuan turut diberikan ke arah membangunkan usahawan Bumiputera. Antara program yang diketengahkan untuk PKS Bumiputera adalah:

- Program Peningkatan Perusahaan Bumiputera (BEEP) oleh SME Corp. Malaysia / MITI untuk membangunkan PKS Bumiputera yang berpotensi di semua negeri
Program ini memberikan PKS Bumiputera terpilih satu pakej bantuan komprehensif yang terdiri daripada bantuan kewangan dan khidmat nasihat
- Dana Pinjaman PKS oleh SME Bank menyediakan modal kerja untuk PKS Bumiputera
- Tabung Usahawan Baru 2 (NEF2) oleh Bank Negara Malaysia akan menggalakkan pertumbuhan PKS dengan memastikan bahawa mereka mempunyai akses kepada pembiayaan pada kos yang munasabah
- Pembangunan Usahawan Bumiputera melalui Komuniti Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (BCIC) oleh Agro Bank bertujuan membangunkan kumpulan usahawan Bumiputera yang berdaya saing dan berdaya maju
- Skim PKS oleh PUNB akan meningkatkan bilangan dan kualiti usahawan Bumiputera dalam sektor pembuatan dan perkhidmatan (ICT / Kejuruteraan dan lain-lain)
- Skim Pembiayaan Perniagaan oleh MARA / MRRD akan menyediakan bantuan pinjaman kepada usahawan Bumiputera untuk meningkatkan modal kerja atau memulakan perniagaan
- Skim Pembiayaan Industri Kecil dan Sederhana (SPIKS) oleh MID Sabah akan menyediakan sokongan pembiayaan untuk PKS dalam sektor perkhidmatan pembuatan dan ICT

Initiatives for Bumiputera Entrepreneurs


In 2011, focus was also given towards developing Bumiputera entrepreneurs. Among the programmes highlighted for Bumiputera SMEs are:

- *Bumiputera Enterprise Enhancement Programme (BEEP) by SME Corp. Malaysia / MITI to develop potential Bumiputera SMEs in all states. The programme provides selected Bumiputera SMEs with a comprehensive assistance package, comprising financial assistance and advisory services*
- *SME Loan Fund by SME Bank to provide working capital for Bumiputera SMEs*
- *New Entrepreneur Fund 2 (NEF2) by Bank Negara Malaysia to promote the growth of SMEs by ensuring that they have access to financing at reasonable costs*
- *Development of Bumiputera Entrepreneurs through Bumiputera Commercial and Industry Community (BCIC) by Agro Bank to develop competitive and viable Bumiputera entrepreneur groups*
- *SME Scheme by PUNB to increase the number and quality of Bumiputera entrepreneurs in the manufacturing and services sectors (ICT / Engineering etc.)*
- *Business Financing Scheme by MARA / MRRD to provide loan assistance to Bumiputera entrepreneurs to increase working capital or business start-ups*
- *Small and Medium Industry Financing Scheme (SPIKS) by MID Sabah to provide financing support for SMEs in the manufacturing services and ICT sector*



Wajah-wajah SME Corp. Malaysia

The Faces of SME Corp. Malaysia






The Power of Small

*It's the little pieces that make up the big picture
Generating wealth of no small measure
The collective strength of our nation's economy
Providing employment driving demand, creating opportunities*

*Being small is more and the more the better
It's in our interest to see them prosper
We've transformed to serve their needs
We're striving to ensure they succeed...*

*SMEs are the building blocks of our
Nation's economic growth*





“ Lambang kecekalan dan semangat waja, **MERAH** mencerminkan kekuatan, iltizam, kesungguhan dan keazaman “

*“Personifying true grit and spirit, **RED** is a reflection of strength, willpower, passion and determination”*

Pemangkin Pembangunan PKS

Catalyst for SME Development

1. PROGRAM AKSES PASARAN

i. SMIDEX 2011 – PAMERAN INOVASI PKS

Pameran tahunan menyaksikan 134 PKS yang dipadankan dengan 15 MNC / Pasar Raya Besar / GLC. Berbanding dengan tahun 2010, 178 Sesi tahun ini dianggap sederhana tetapi sesi-sesi ini lebih bernilai kerana MNC yang hadir mewakili konglomerat gergasi seperti *Boeing* dan *BAE SYSTEMS*. Potensi jualan berjumlah RM194.7 juta telah direkodkan semasa acara ini berlangsung.


1. MARKET ACCESS PROGRAMMES

i. SMIDEX 2011 – SME INNOVATION SHOWCASE

The annual showcase saw 134 SMEs linked to 15 MNCs / Hypermarkets / GLCs. In comparison to 2010, the 178 Sessions were considered modest but the sessions were of more value this year as the MNCs present were giant conglomerates such as Boeing and BAE SYSTEMS. A total of RM194.7 million of potential sales were recorded during the event.



YAB Timbalan Perdana Menteri merasmikan SMIDEX 2011
YAB Deputy Prime Minister launching SMIDEX 2011



ii. ANUGERAH INOVASI PKS 2011

Anugerah Inovasi PKS 2011 dianjurkan setiap tahun bersempena dengan Pameran SMIDEX dan telah diadakan pada 7-9 Jun 2011 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC). Pemilihan dan penilaian PKS inovatif untuk Anugerah Inovasi PKS adalah berdasarkan Persijilan 1-InnoCERT. Anugerah Inovasi PKS telah disampaikan oleh YAB Perdana Menteri semasa pelancaran Pameran SMIDEX 2011. Pemenang kategori Anugerah Inovasi PKS 2011 adalah:

- **ProEight Offshore Engineering Sdn. Bhd.**
Anugerah PKS Paling Inovatif & Anugerah Inovasi Terbaik dalam Pengeluaran
- **Biofusion Sdn. Bhd.**
Anugerah Inovasi Terbaik dalam Bioteknologi & Agroteknologi
- **Malaysia Microelectronic Solutions Sdn. Bhd.**
Anugerah Inovasi Terbaik dalam Kejuruteraan & Reka bentuk Perindustrian



ii. SME INNOVATION AWARD 2011

The SME Innovation Award 2011 is annually organised in conjunction with SMIDEX Showcase held on 7-9 June 2011 at Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC). The selection and assessment of innovative SMEs for the SME Innovation Award were based on 1-InnoCert Certification. The SME Innovation Award was presented by YAB Prime Minister of Malaysia during the launch of SMIDEX 2011 Showcase. The category winners of SME Innovation Award 2011 were:

- **ProEight Offshore Engineering Sdn. Bhd.**
Top Most Innovative SME Award & Best Innovation Award in Manufacturing
- **Biofusion Sdn. Bhd.**
Best Innovation Award in Biotechnology & Agrotechnology
- **Malaysia Microelectronic Solutions Sdn. Bhd.**
Best Innovation Award in Engineering & Industrial Design

- **Success Nexus Sdn. Bhd.**
Anugerah Inovasi Terbaik dalam Teknologi Hijau
- **N2N Global Solutions Sdn. Bhd.**
Anugerah Inovasi Terbaik dalam ICT dan Elektrik & Elektronik

Sebanyak 100 syarikat yang paling inovatif telah menyertai SMIDEX 2011 bagi mempamerkan produk dan perkhidmatan inovatif masing-masing.

iii. PROGRAM RANTAIAN DENGAN SYARIKAT MULTINASIONAL

Sebagai sebahagian daripada usaha untuk menjalin peluang perniagaan dan hubungan untuk PKS, dua Peluang Perniagaan dan Acara Rangkaian dengan syarikat multinasional berasaskan penerbangan iaitu Boeing dan BAE Systems telah dianjurkan pada tahun ini. Program ini terdiri daripada Forum dan Sesi Pemadanan Perniagaan yang menarik penyertaan PKS daripada pelbagai kategori seperti Bioteknologi & Teknologi Hijau, Pengeluaran Penerbangan & Logam, Plastik & Getah, Elektronik, IT / Sistem Integrasi dan Lain-lain Pembuatan dan Perkhidmatan / Loji / Reka Bentuk.

- **Success Nexus Sdn. Bhd.**
Best Innovation Award in Green Technology
- **N2N Global Solutions Sdn. Bhd.**
Best Innovation Award in ICT and Electrical & Electronics

A total of 100 most innovative companies had participated in SMIDEX 2011 to showcase and display their respective innovative products and services.

iii. LINKAGE PROGRAMME WITH MULTINATIONAL CORPORATIONS

As part of efforts to forge business opportunities and linkages for SMEs, two Business Opportunity and Networking Events with aviation-based multinational corporations, namely Boeing and BAE Systems, were organised during the year. The Programme comprised Forum and Business Matching Sessions that attracted SMEs in various categories such as Biotechnology & Green Technology, Aviation & Metal Manufacturing, Plastics & Rubber, Electronics, IT / System Integration, Other Manufacturing and Services / Plant / Design.





Peluang Perniagaan dengan Boeing Defense, Space and Security

Program ini yang dianjurkan bersama oleh SME Corp. Malaysia dan Boeing telah diadakan pada 18 Januari 2011 di Hotel Mandarin Oriental, Kuala Lumpur di mana ia telah memberi manfaat kepada 51 PKS. Peserta yang hadir telah diperkenalkan kepada program ofset dan perancangan masa depan Boeing serta peluang perniagaan bersama pembekal peringkat pertamanya iaitu Northrop Grumman, Raytheon Space dan GE.

BAE SYSTEMS: Peluang Perniagaan & Jaringan Perniagaan

Program ini telah dianjurkan bersama oleh SME Corp. Malaysia dan British Aerospace Engineering (BAE Systems) pada 17 November 2011 di Le Meridien Hotel, Kuala Lumpur.

Business Opportunity with Boeing Defense, Space and Security

This programme was jointly organised by SME Corp. Malaysia and Boeing on 18 January 2011 at Mandarin Oriental Hotel, Kuala Lumpur had benefitted 51 SMEs. Participants were introduced to Boeing's offset programme and future planning as well as business opportunities with its first tier suppliers namely Northrop Grumman, Raytheon Space and GE.

BAE SYSTEMS: Business Opportunities & Networking Event

The Programme was jointly organised between SME Corp. Malaysia and British Aerospace Engineering (BAE Systems) on 17 November 2011 at Le Meridien Hotel, Kuala Lumpur. Participants in the Programme were educated on BAE Systems, technology requirements and future offset planning. A total of 25 SMEs had



Meneroka bersama BAE Systems
Spreading our wings with BAE Systems

Peserta yang menyertai Program ini telah menerima penerangan tentang keperluan teknologi dan perancangan ofset masa depan BAE Systems. Seramai 25 PKS telah mendapat manfaat daripada sesi satu-sama-satu dan sesi rangkaian perniagaan dengan wakil daripada BAE Systems serta meneroka peluang perniagaan yang sedia ada.

iv. PROGRAM PAUTAN PERNIAGAAN DALAM TALIAN

Selaras dengan wawasan Kerajaan untuk bergerak ke arah e-Dagang dan menggalakkan keusahawanan, SME Corp. Malaysia dengan kerjasama Multimedia Development Corporation (MDeC) dan Pos Malaysia menganjurkan bengkel yang direka untuk membiasakan PKS dengan amalan terbaik proses perniagaan dalam talian. Kedua-dua kerjasama mensasarkan spektrum PKS yang berbeza iaitu memberikan PKS peluang secara keseluruhan untuk membiasakan diri mereka dengan Perniagaan ke Perniagaan (B2B) dalam talian atau persekitaran Perniagaan-ke-Pelanggan (B2C).

benefitted from one-to-one meetings and networking sessions with representatives from BAE Systems, as well as exploring business opportunities available.

iv. ONLINE BUSINESS LINGKAGE PROGRAMME

In line with the Government's vision of moving towards e-commerce and encouraging young entrepreneurship, SME Corp. Malaysia in collaboration with Multimedia Development Corporation (MDeC) and Pos Malaysia organised workshops designed to acquaint SMEs with the best practices of online business processes. The collaboration targets different spectrums of SMEs, giving SMEs the overall opportunity to familiarise themselves with either the online Business-to-Business (B2B) or Business-to-Customer (B2C) environments.

Secara keseluruhan, lapan Bengkel telah dianjurkan pada tahun 2011 dengan penyertaan lebih daripada 220 PKS. Program ini telah menyaksikan pendaftaran 90% daripada PKS dalam pemasaran dalam talian kerana visibiliti produk memainkan peranan utama dalam memastikan kejayaan perniagaan. Jumlah jualan yang dijana pada tahun 2011 bernilai RM16.55 juta.

v. PROGRAM PROMOSI DENGAN PASAR RAYA BESAR

Memahami keperluan dan prasyarat adalah penting bagi PKS untuk menjadi pembekal yang berdaya saing dan mampan kepada Pasar Raya Besar. Dalam usaha berterusan untuk membantu PKS, SME Corp. Malaysia telah mengambil inisiatif untuk bekerjasama dengan Pasar Raya Besar dalam menganjurkan program-program promosi untuk PKS. Sebanyak tiga program Promosi telah dianjurkan dengan AEON (M) Sdn. Bhd., Pasaraya Mydin dan Giant di Brunei, dengan tema dan pendekatan yang berbeza. Secara keseluruhan, 181 PKS telah mendapat manfaat daripada program ini yang telah menjana jualan bernilai RM270, 472.05.

2. PROGRAM PEMBANGUNAN JENAMA PKS

i. NATIONAL MARK OF MALAYSIAN BRAND

SME Corp. Malaysia dan rakan kongsinya, SIRIM QAS International Sdn. Bhd. telah membangunkan *National Mark of Malaysian Brand* - satu pengiktirafan akan Kualiti, Kecemerlangan dan Keunggulan tertinggi bagi produk dan perkhidmatan buatan Malaysia. Ia bertujuan untuk mengubah persepsi bahawa kualiti, kebolehpercayaan dan piawai pembungkusan produk PKS adalah lebih rendah berbanding dengan jenama-jenama besar. Sejak penubuhannya pada 2 Mac 2009 sehingga Disember 2011, sebanyak 80 permohonan telah diterima. Daripada jumlah ini, sebanyak 37 buah syarikat telah diberi pensijilan *National Mark of Malaysian Brand* dan yang selebihnya sedang menjalani proses pengauditan.

In total, eight Workshops were organised in 2011 with the participation of more than 220 SMEs. The programme saw a 90% enrolment of participating SMEs in online marketing since product visibility plays a major role in ensuring business success. The total sales generated in 2011 is valued at RM16.55 Million.

v. PROMOTIONAL PROGRAMMES WITH HYPERMARKETS

Understanding the requirements and prerequisites are essential for SMEs to become competitive and sustainable suppliers to Hypermarkets. In its continuous effort to assist SMEs, SME Corp. Malaysia has taken the initiative to collaborate with Hypermarkets to organise promotional programmes for SMEs. A total of three Promotional Programmes had been organised with AEON (M) Sdn. Bhd., Mydin and Giant Hypermarket in Brunei; all with different themes and approaches. In total, 181 SMEs had benefitted from these programmes generating sales worth RM270, 472.05.

2. SME BRAND DEVELOPMENT PROGRAMME

i. NATIONAL MARK OF MALAYSIAN BRAND

SME Corp. Malaysia and its partner, SIRIM QAS International Sdn. Bhd. have developed the National Mark of Malaysian Brand - a recognition of Malaysian products and services of the highest Quality, Excellence and Distinction. It is aimed at changing the perception that SME products are of lower quality, reliability and packaging standards compared with big brand names. Since its inception on 2 March 2009 through December 2011, a total of 80 applications had been received. Out of these number, a total of 37 companies have been certified with the National Mark of Malaysian Brand while the rest are in the process of auditing.

Kesan ke atas Syarikat Penerima Pensijilan National Mark of Malaysian Brand

Setelah diberi pensijilan *National Mark Of Malaysian Brand*, syarikat-syarikat tempatan ini telah berkembang dengan pesat kerana Pensijilan ini telah memperluaskan peluang untuk mengembangkan perniagaan mereka. Kisah-kisah kejayaan termasuk:

- **Yuubi International**

Yuubi International telah menerima surat tawaran daripada Perodua yang melantik mereka sebagai vendor Perodua bagi pemasangan kunci Yuubi sebagai aksesori pelanggan mereka.

- **Fire Fighter Industry Sdn Bhd**

Fire Fighter Industry Sdn. Bhd. bekerjasama dengan Shell Malaysia Ltd. bagi membolehkan pelanggan mereka mendapatkan produk Fire Fighter daripada pengedar Shell LPG Gas. Mereka turut mengambil bahagian dalam Kembara Shell yang akan diadakan di beberapa tempat di seluruh negara.



Impact on Recipients of National Mark of Malaysian Brand Certification

After being certified with the National Mark of Malaysian Brand, these local companies have grown rapidly as the Certification has broadened the path to expand their businesses. Success stories include:

- **Yuubi International**

Yuubi International has received an offer letter from Perodua appointing them as Perodua's vendor in the installation of Yuubi-lock as their customer preference accessories.

- **Fire Fighter Industry Sdn. Bhd.**

Fire Fighter has formed a partnership with Shell Malaysia Ltd. to make Fire Fighter products available from Shell LPG Gas dealers. They will be participating in Shell Roadshow which will be held at several locations throughout the country.

- **Fulian (M) Sdn. Bhd.**

Bermula sebagai sebuah syarikat perdagangan am, Fulian (M) Sdn. Bhd. telah berkembang menjadi salah sebuah pengeluar utama bagi produk penjagaan diri. Setelah meneroka pasaran Asia Tenggara, Asia Timur, Afrika dan Timur Tengah, syarikat ini mensasarkan pertumbuhan yang pesat dan teguh pada masa yang akan datang.

Beberapa penerima pensijilan *National Mark Of Malaysian Brand* telah berpeluang untuk mempromosikan produk mereka melalui iklan dan media. Syarikat-syarikat seperti Firefighter, Yuubi International dan Dewina Food Industries telah diberi peluang ditemuramah oleh saluran media seperti Media Prima, Utusan Malaysia dan Sin Chew Jit Poh. Beberapa majalah terkenal seperti Forbes Malaysia dan Reader's Digest juga menyediakan ruangan khas dalam majalah mereka untuk mempromosikan syarikat-syarikat *National Mark of Malaysian Brand*.

- ii. **PERSIDANGAN USAHAWAN JENAMA (BEC) 2011**

SME Corp. Malaysia dengan kerjasama Persatuan Penjenamaan Malaysia (BAM) telah menganjurkan BEC 2011 pada bulan Julai 2011. Duli Yang Maha Mulia Raja Dr Nazrin Shah Ibni Sultan Azlan Muhibbuddin Shah, Pemangku Raja Perak, merasmikan Persidangan dan telah menyampaikan sijil kepada 18 penerima baru *National Mark Of Malaysian Brand Award*. Seramai 460 peserta menghadiri persidangan tersebut. Terdapat tujuh penceramah terkemuka yang telah berkongsi pengalaman dan pandangan mereka dalam melaksanakan penjenamaan dalam perniagaan.

- **Fulian (M) Sdn. Bhd.**

From its humble beginnings as a general trading company, Fulian (M) Sdn. Bhd. has grown to become one of the leading manufacturers of personal care products. Having ventured into South-East Asia, Eastern Asia, Africa and Middle East markets, the company envisions a rapid and robust growth in the years to come.

Several National Mark of Malaysian Brand certification recipients have had the opportunity to take part in advertisement and media promotions. Companies such as Firefighter, Yuubi International and Dewina Food Industries have been given the opportunity to be interviewed by media channels such as Media Prima, Utusan Malaysia and Sin Chew Jit Poh. Several well-known magazines such as Forbes Malaysia and Reader's Digest have also provided special columns in their magazines to promote the National Mark of Malaysian Brand companies.

- ii. **THE BRAND ENTREPRENEURS CONFERENCE (BEC) 2011**

SME Corp. Malaysia in collaboration with Branding Association of Malaysia (BAM) held the BEC 2011 in July 2011. His Royal Highness Raja Dr. Nazrin Shah Ibni Sultan Azlan Muhibbuddin Shah, the Regent of Perak, inaugurated the Conference and presented certificates to 18 new recipients of the National Mark of Malaysian Brand. A total of 460 participants attended the conference. There were seven prominent speakers who had shared their experiences and views in implementing branding in business.





iii. **MEWUJUDKAN KESEDARAN MENGENAI KEPENTINGAN PENJENAMAAN**

Bengkel Manual Penjenamaan

Memasuki tahun kedua, empat bengkel telah dianjurkan di Kuala Lumpur, Kedah, Sabah dan Johor dengan sejumlah 131 orang peserta. Bengkel ini bertujuan untuk menyediakan garis panduan dan prinsip mengenai cara untuk membentuk manual penjenamaan serta melayakkan syarikat menerima Skim Pensijilan *National Mark of Malaysian Brand*.

iii. **CREATING AWARENESS ON IMPORTANCE OF BRANDING**

Workshops on Brand Manuals

In its second year, four workshops had been organised in Kuala Lumpur, Kedah, Sabah and Johor, with a total of 131 participants. The Workshops aimed to provide guidelines and principles on how to develop the brand manual, as well as, to qualify the companies for the National Mark of Malaysian Brand Certification Scheme.



Penerima *National Mark of Malaysian Brand* tahun 2011 bersama DYMM Raja Dr Nazrin Shah Ibni Sultan Azlan Muhibbuddin Shah
2011 *National Mark of Malaysian Brand* recipients with HRH Raja Dr Nazrin Shah Ibni Sultan Azlan Muhibbuddin Shah



YB Dato' Sri Mustapa Mohamed merasmikan Pusat Inovasi Penjenamaan (BIC)
YB Dato' Sri Mustapa Mohamed officiating the Branding Innovation Centre (BIC)



Pemandangan dari dalam Galeri Bergerak
The view from within the Mobile Gallery



Pusat Inovasi Penjenamaan (BIC)

BIC adalah usaha sama di antara SME Corp. Malaysia dan Universiti Teknologi Kreatif Limkokwing (LUCT) bertujuan meningkatkan pengetahuan PKS di seluruh negara mengenai penjenamaan dan pembungkusan serta menyediakan latihan mengenai penjenamaan, pembungkusan yang inovatif dan reka bentuk kreatif. Sehingga kini, seramai 191 orang peserta telah menjalani latihan di BIC.

Galeri Penjenamaan dan Pembungkusan Bergerak: Melangkaui Kesedaran 2011

Galeri Bergerak: Melangkaui Kesedaran 2011 menyediakan pendekatan yang lebih holistik terhadap penjenamaan. Agensi-agensi seperti LUCT, SIRIM, FMM dan MyIPO telah dijemput sebagai penganjur bersama dan penceramah bagi mewujudkan kesedaran dan menyediakan khidmat nasihat mengenai penjenamaan dan pembungkusan terutamanya kepada usahawan luar bandar di seluruh negara. Pada tahun 2011, sebanyak 15 lawatan telah diadakan. Seramai 1,748 orang peserta telah menyertai Program ini. Galeri Bergerak ini telah berada di pelbagai lokasi di Pahang, Perak, Johor, Pulau Pinang dan Kelantan.

Branding Innovation Centre (BIC)

The BIC is a joint effort by SME Corp. Malaysia and Limkokwing University of Creative Technology (LUCT), to enhance knowledge on branding and packaging, and provide training on branding, innovative packaging and creative design to SMEs across the country. To date, a total of 191 participants have been trained at the BIC.

Branding and Packaging Mobile Gallery: Beyond Awareness 2011

The Mobile Gallery: Beyond Awareness 2011 provides a more holistic approach on branding. Relevant agencies such as LUCT, SIRIM, FMM and MyIPO are invited as collaborators and speakers, with the aim of creating awareness and providing advisory services on branding and packaging, especially to rural entrepreneurs across the country. In 2011, 15 visits were made with a total of 1,748 participants benefitting from the Programme. The Mobile Gallery had visited numerous locations in Pahang, Perak, Johor, Pulau Pinang and Kelantan.



3. PROGRAM PEMBANGUNAN TEKNOLOGI



i. PROGRAM 1-InnoCERT

Program ini bertujuan untuk mengiktiraf dan memperakui PKS inovatif serta menggalakkan usahawan menceburi industri berteknologi tinggi dan berinovasi. Pada tahun 2011, SME Corp. Malaysia telah menerima 320 permohonan dalam talian dan 37 PKS telah berjaya menerima pensijilan 1-InnoCERT selepas diaudit oleh SIRIM Berhad. Di bawah program ini, PKS yang mendapat pensijilan akan secara automatik layak menyertai Anugerah Inovasi Tahunan PKS. Anugerah ini menawarkan RM200,000 untuk pemenang bagi setiap kategori, manakala Pemenang Utama akan menerima RM1 juta. Selaras dengan usaha untuk merangsang pembangunan PKS yang berprestasi tinggi, SME Corp. Malaysia dengan kerjasama Bank Negara Malaysia (BNM) dan Association of Banks Malaysia (ABM) telah menganjurkan 16 sesi bersama syarikat-syarikat pensijilan 1-InnoCERT bagi membincangkan isu-isu berkaitan bantuan pembiayaan oleh institusi kewangan.

3. TECHNOLOGY DEVELOPMENT PROGRAMME

i. 1-InnoCERT PROGRAMME

The programme is aimed to recognise and certify innovative enterprises and SMEs, and to encourage entrepreneurs to venture into high technology and innovation-driven industries. In 2011, SME Corp. Malaysia received 320 online applications and 37 SMEs were successfully certified after being audited through on-site audit by SIRIM Berhad. Under this programme, the 1-InnoCERT SMEs are automatically eligible to participate in the Annual SME Innovation Award. The Award offers RM 200,000.00 for winners of each category, while the Top Winner will receive RM1 million. In line with the effort to spur development of high performance SMEs, SME Corp. Malaysia in-collaboration with Bank Negara Malaysia (BNM) and Association of Banks Malaysia (ABM) facilitated sixteen sessions with 1-InnoCERT companies to address issues on financing support by financial institutions.





ii. TEKNOLOGI ROADMAP

Pada tahun 2011, Teknologi Roadmap untuk industri elektrik dan elektronik, teknologi maklumat dan komunikasi (ICT), bioteknologi serta getah dan plastik telah dibangunkan bersama dengan Penang Skills Development Centre (PSDC), Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), Malaysian Biotechnology Corporation (Biotechcorp), Lembaga Getah Malaysia (LGM) dan Malaysian Plastics Manufacturers Association (MPMA).

Tujuan Teknologi Roadmap ini adalah untuk menyediakan hala tuju teknologi bagi industri-industri berkaitan. Bagi meningkatkan pengetahuan PKS tentang hala tuju teknologi bagi industri-industri ini, sebanyak empat seminar telah diadakan di Pahang, Kedah, Sarawak dan Sabah yang telah dihadiri seramai 240 orang peserta.

ii. TECHNOLOGY ROADMAP

In 2011, the Technology Roadmap for the electrical and electronic industry, information and communication technology (ICT) industry, biotechnology as well as rubber and plastic industries was developed in collaboration with Penang Skills Development Centre (PSDC), Ministry of Science, Technology and Innovation (MOSTI), Malaysian Biotechnology Corporation (Biotechcorp), Malaysian Rubber Board (MRB) and Malaysian Plastics Manufacturers Association (MPMA).

The objective of the Technology Roadmap is to provide an outlook on upcoming technology trends for the relevant industries. In enhancing the awareness of SMEs on the Technology Roadmap, a total of four seminars were organised in Pahang, Kedah, Sarawak and Sabah which were attended by 240 participants.

4. PROGRAM PEMBANGUNAN KAPASITI

i. SME COMPETITIVENESS RATING FOR ENHANCEMENT (SCORE)

SCORE merupakan satu alat diagnostik untuk menilai dan menaraf daya saing PKS berdasarkan prestasi dan keupayaan syarikat dari segi pengurusan, operasi, penggunaan teknologi, inisiatif pensijilan, teknikal, kewangan dan pemasaran.

Syarikat yang diberikan taraf 0-Bintang ke 2-Bintang akan diberi bimbingan khusus bagi meningkatkan keupayaan mereka, manakala PKS dengan penarafan 3-Bintang dan ke atas akan dipilih untuk menyertai misi perdagangan dan program rantaian. Sehingga 31 Disember 2011, sebanyak 7,892 PKS telah dinilai. Sebanyak 63.28% telah diberi taraf 2-Bintang dan ke bawah, diikuti 31.26% telah diberi taraf 3-Bintang, 5.33% telah diberi taraf 4-Bintang dan diikuti 0.13% telah diberi penarafan 5-Bintang.


4. CAPACITY BUILDING PROGRAMMES

i. SME COMPETITIVENESS RATING FOR ENHANCEMENT (SCORE)

SCORE is a diagnostic tool to evaluate and rate the competitiveness of SMEs based on company performance and capabilities in areas such as management, operation, technology adoption, certification initiatives, technical, financial and marketing.


Companies with a 0-Star to 2-Star rating will be provided with handholding assistance to enhance their capabilities, while SMEs with a rating of 3-Star and above will be selected to participate in trade missions and linkage programmes. As at 31 December 2011, a total of 7,892 SMEs had been rated. The majority (63.28%) obtained 2-Star and below rating, followed by 31.26% with 3-Star rating, 5.33% with 4-Star rating and followed by 0.13% with 5-Star rating.

Penarafan SCORE bagi PKS (sehingga 31 Disember 2011)
SCORE Rating for SMEs (as at 31 December 2011)



Sumber / Source : SME Corp. Malaysia

Penarafan M-CORE bagi Perusahaan Mikro (setakat 31 Disember 2011)
M-CORE Rating for Micro Enterprise (as at 31 December 2011)



Sumber / Source : SME Corp. Malaysia

ii. MICRO ENTERPRISE COMPETITIVENESS RATING FOR ENHANCEMENT (M-CORE)

Bagi tujuan memenuhi keperluan khusus perusahaan mikro, SME Corp. Malaysia telah membangunkan mekanisme penilaian *Micro Enterprise Competitiveness Rating for Enhancement (M-CORE)*. M-CORE yang merupakan versi SCORE yang dipermudahkan, memberi penekanan terhadap mengenal pasti prestasi perusahaan mikro menerusi empat aspek iaitu prestasi perniagaan, keupayaan kewangan, operasi dan pengurusan.

Sehingga 31 Disember 2011, sebanyak 488 perusahaan mikro telah dinilai menerusi M-CORE dengan sebanyak 65.57% perusahaan mikro telah diberi penarafan Tahap 2, diikuti 32.99% perusahaan mikro pada Tahap 1 dan 1.43% perusahaan mikro pada Tahap 3.

ii. MICRO ENTERPRISE COMPETITIVENESS RATING FOR ENHANCEMENT (M-CORE)

*To cater for the specific needs of micro enterprises, SME Corp. Malaysia has developed an assessment tool called *Micro Enterprise Competitiveness Rating for Enhancement (M-CORE)*. A simplified version of SCORE, M-CORE emphasises on identifying the performance of micro enterprises in four areas: business performance, financial capability, operation and management.*

As at 31 December 2011, a total of 488 micro enterprises had been evaluated under M-CORE. A total of 65.57% micro enterprises were rated at Level 2, followed by 32.99% micro enterprises at Level 1 and 1.43% micro enterprises at Level 3.

iii. BUSINESS ACCELERATOR PROGRAMME (BAP) AND ENRICHMENT & ENHANCEMENT PROGRAMME (E²)

Business Accelerator Programme (BAP) and Enrichment & Enhancement (E²) Programme merupakan satu inisiatif untuk membantu PKS dan perusahaan mikro bagi meningkatkan potensi perniagaan mereka. Objektif program ini adalah untuk memacu pembangunan PKS dan perusahaan mikro dengan menggunakan pendekatan bersepadu melalui empat komponen utama yang meliputi:

- penilaian ke atas syarikat bagi mengenal pasti prestasi dan keperluan perniagaan;
- pembangunan kapasiti yang merangkumi peningkatan kemahiran seperti latihan keusahawanan, kesedaran mengenai penjenamaan dan pensijilan;
- khidmat nasihat perniagaan yang disediakan oleh Kaunselor Perniagaan dan pakar SEAP; serta
- khidmat nasihat berkaitan akses kepada pembiayaan yang disediakan oleh pelbagai institusi kewangan.

Sehingga Disember 2011, sebanyak 2,387 permohonan telah diterima dan sebanyak 33 syarikat telah mendapat kelulusan bantuan kewangan berjumlah RM2.3 juta, beserta latihan peningkatan kemahiran.

iii. BUSINESS ACCELERATOR PROGRAMME (BAP) AND ENRICHMENT & ENHANCEMENT PROGRAMME (E²)

The Business Accelerator Programme (BAP) and the Enrichment & Enhancement (E²) Programme are initiatives that have been implemented in assisting SMEs and micro enterprises to accelerate and develop their businesses using an integrated approach through four components encompassing:

- *assessment on the company to identify business performance and requirement;*
- *capacity building which encompasses skills enhancement such as entrepreneurship training, awareness of branding and certification;*
- *business advisory services by Business Counsellors and SEAP Experts; and*
- *advisory services to financial assistance access by various financial institutions.*

As at December 2011, a total of 2,387 applications had been received and 33 companies had been approved to receive assistance which amounted to RM2.3 million, along with skills upgrading training.





iv. PROGRAM PENINGKATAN KEMAHIRAN

Selaras dengan inisiatif Kerajaan untuk meningkatkan bilangan tenaga kerja yang mahir dan menjana ekonomi berpendapatan tinggi, SME Corp. Malaysia telah membangunkan Program Peningkatan Kemahiran yang bertujuan untuk meningkatkan kemahiran dan keupayaan PKS di peringkat teknikal dan pengurusan, terutamanya dalam bidang-bidang yang kritikal. 3,901 tenaga kerja telah dilatih di 38 Pusat Pembangunan Kemahiran (SDC) dan Penyedia Latihan Profesional (PTP) dari Januari hingga Disember 2011, berbanding dengan 8,792 tenaga kerja yang dilatih di 41 SDC dan PTP pada tahun 2010.

Berdasarkan daripada maklumbalas majikan, 66% majikan mengakui bahawa terdapat peningkatan dalam produktiviti pekerja, 50% peningkatan dalam kecekapan dan 81% dalam kemahiran.

v. PROGRAM SME-UNIVERSITY INTERNSHIP

Program ini bertujuan untuk menghubungkan PKS dengan Universiti yang merupakan sebahagian daripada usaha Kerajaan dalam meningkatkan sinergi di antara industri dan universiti bagi tujuan mempertingkatkan kapasiti dan keupayaan PKS. Program ini memberi peluang kepada para pelajar untuk mempelajari amalan perniagaan terbaik melalui pendedahan industri dan operasi harian

iv. SKILLS UPGRADING PROGRAMME

In line with the Government initiative to increase the number of knowledge workers and to generate a high income economy, SME Corp. Malaysia has developed the Skills Upgrading Programme which aims to enhance the skills and capabilities of SMEs at technical and managerial levels, particularly in critical areas. 3,901 employees were trained under 38 Skills Development Centres (SDC) and Professional Training Providers (PTP) from January until December 2011, compared with 8,792 employees tarined under 41 SDC and PTP in 2010.

Based on feedback from employers, 66% of them acknowledged that there were high increases in employee productivity, 50% in efficiency and 81% in skills.

v. SME-UNIVERSITY INTERNSHIP PROGRAMME

This programme aims to link SMEs with universities as part of the Government's efforts to enhance the synergy between industry and university in order to upgrade SMEs' capacity and capability. This programme enables the students to learn best business practices through industry exposure and 'real-life' daily operations of SMEs. The students are guided by their lecturers, as well as SME Corp. Malaysia's Business Counselors.

PKS secara langsung. Pelajar dibimbing oleh para pensyarah meraka sendiri dan Kaunselor Perniagaan SME Corp. Malaysia.

Pada tahun 2011, sebanyak 14 Universiti telah menyertai menjayakan Program ini berbanding dengan hanya tujuh universiti pada tahun 2010. Program ini melibatkan seramai 326 pelajar dan 61 PKS. Universiti yang terlibat adalah Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Pertanian Malaysia (UPM), Universiti Islam Antrabangsa Malaysia (UIAM), Universiti Malaysia Kelantan (UMK), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Universiti Malaysia Perlis (UniMAP), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Universiti Teknologi Mara (UITM Kampus Shah Alam), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Universiti Malaysia Sabah (UMS), Universiti Malaysia Pahang (UMP), Univeristi Teknikal Malaysia Melaka (UteM) dan Universiti Sains Malaysia (USM).

Berdasarkan maklumbalas yang diterima daripada PKS dan para pelajar, sebanyak 73% PKS menyatakan bahawa prestasi perniagaan mereka telah bertambah baik, manakala 78% pelajar menyatakan bahawa pengetahuan mereka mengenai amalan perniagaan terbaik telah berjaya dipertingkatkan.

vi. PROGRAM SME@UNIVERSITY

SME@University merupakan program usahasama di antara SME Corp. Malaysia, Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB) dan UKM. Program ini menyediakan peluang pembelajaran berstruktur kepada Ketua Pegawai Eksekutif PKS bagi meningkatkan keupayaan dan pengetahuan mereka mengenai keusahawanan. Lima universiti telah melaksanakan Program ini. UKM merupakan universiti pertama melaksanakan Program ini dengan penyertaan seramai 21 orang Ketua Pegawai Eksekutif PKS. 75% dari jumlah peserta Program ini adalah merupakan PKS bumiputera manakala 25% adalah terdiri daripada PKS bukan bumiputera.

